

Pegawai lalai punca urusan lewat

BH 10 DEC 2002

KUALA LUMPUR, Isnin – Masalah kelewatan Pejabat Tanah di seluruh negara dalam menguruskan pengeluaran geran sehingga ada permohonan yang tertangguh sehingga 50 tahun, berpunca daripada kelalaian pegawai serta kakitangan jabatan itu sendiri, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jabatan itu tidak boleh menggunakan alasan kekurangan pegawai dan kakitangan sebagai punca timbulnya masalah berkenaan, kerana mereka boleh meminta untuk menambah pegawai jika ia benar-benar diperlukan.

Katanya, laporan mengenai kerenah birokrasi dalam pentadbiran dan urusan Pejabat Tanah sehingga menyebabkan ada permohonan dikemukakan 50 tahun lalu belum diselesaikan sehingga kini, bukan perkara lazim.

“Ia adalah perkara luar biasa dan tidak seharusnya berlaku. Ini satu contoh (pegawai serta kakitangan) lalai menjalankan tugas. Mana boleh sampai 50 tahun. Ini bukan satu perkara lazim dan normal.

“Dalam mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) kita sentiasa menegaskan betapa pentingnya pentadbiran tanah itu ditingkatkan kecekapannya.

“Antaranya, mereka perlu mempercepatkan pengeluaran surat kebenaran, pengeluaran geran dan kebenaran yang lain bagi membolehkan pembangunan dijalankan secepat mungkin,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Puteri Umno Malaysia di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Rumah terbuka itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmud; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis; Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie serta Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said.

Timbalan Perdana Menteri mengulas laporan muka depan *Berita Harian* hari ini mengenai kerenah birokrasi di Pejabat Tanah yang menimbulkan kerumitan sehingga ada permohonan dikemukakan 50 tahun lalu belum diselesaikan sehingga kini.

Mengikut laporan Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri, aduan mengenai Pejabat Tanah kedua paling tinggi selepas aduan terhadap pihak berkuasa tempatan.

Ketua Pengarah BPA, Datuk Wan Abdul Wahab Abdullah, juga berkata kelewatan proses permohonan tanah, mengeluarkan hak milik tanah dan proses pindah hak milik tanah adalah aduan yang kerap diterima BPA.

Abdullah berkata, kerajaan tidak mahu kelewatan Pejabat Tanah dalam memberikan kelulusan akan menyebabkan sesuatu projek pembangunan terbantut atau menyebabkan projek yang sedang dilaksanakan tergendala.

Katanya, jabatan itu perlu mengambil tindakan secepat mungkin supaya masalah itu dapat diatasi dan tidak lagi menimbulkan kerumitan kepada orang ramai.

Mengulas dakwaan Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian, Datuk Yidris Abdullah berhubung masalah kekurangan kakitangan, beliau berkata:

“Kalau kekurangan kakitangan menjadi masalahnya, tindakan perlu diambil dari awal. Takkan nak tunggu sampai 50 tahun nak ambil pegawai baru untuk menyelesaikan masalah.

“Sepatutnya jika pegawai tak cukup, ambillah pegawai baru...tambah pegawai.

“Lagi pun di Pejabat Tanah kita sudah lama memperkenalkan pentadbiran dengan komputer dan bila komputer digunakan, tentulah kerja-kerja akan dapat dipercepatkan lagi”.

Beliau berkata, Kementerian Tanah juga menganggotai Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan dan mereka perlu mengemukakan masalah berkenaan untuk tindakan lanjut.